

**TEKS UCAPAN**  
**MALAM KEMUNCAK PESTA**  
**KAAMATAN ke-9**  
**(TEMA: 1 MALAYSIA MELAMBANGKAN 1 BUDAYA)**  
**BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Terima kasih pengacara majlis,

Bismilahir Rahmanir Rahim

Asalamualaikum WBT, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Berhormat (wakil Datuk Masidi)

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UMS

Pemangku Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah, sesi 2010/2011

Siswa-siswi,

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian,

Terdahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul bersama-sama pada malam ini sempena Malam Kemuncak Pesta Kaamatan Sabah peringkat IPTA dan

IPTS yang diadakan buat edisi ke-9. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran .....(**wakil perasm**i)... kerana sudi bersama kami biarpun sibuk dengan jadual tugas kerja yang padat. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan. Kepada ahli sektrariat, syabas dan tahniah kerana berjaya menganjurkan Pesta Kaamatan ini dengan lancar da sempurna. Saya difahamkan mereka telah bertungkus-lumus siang dan malam bagi memastikan kejayaan Pesta Kaamatan ini.

Para hadirin sekalian,

Penganjuran Pesta Kaamatan Sabah Peringkat IPTA dan IPTS ini bukan sahaja bertujuan untuk memberi pendedahan budaya warga UMS dari kaum Kadazandusun. Malah penganjurannya juga merupakan medan untuk mengukuhkan jalinan kerjasama sesama kaum yang telah sedia terjalin selain mengeratkan hubungan silaturahim antara warga UMS. Aktiviti ini, dalam erti kata lain telah berupaya menjadi salah satu daripada wahana pembina semangat perpaduan yang tinggi di kalangan warga UMS secara keseluruhannya. Sememangnya jika ditinjau di beberapa negara yang lain, perpaduan kaum boleh dikatakan sukar dipupuk kerana pemikiran dan pendapat yang berlainan kerana mempunyai kebudayaan yang berbeza. Namun demikian, negara kita Malaysia amat bertuah kerana masyarakat kita mudah untuk bergaul dan berkomunikasi antara satu sama lain selaras dengan konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita Dato' Seri Najib Tun Razak.

Semangat berpasukan juga secara tidak langsung dapat diwujudkan sekaligus memberi pengalaman berguna bagi mereka selain mengukuhkan perpaduan yang ada. Sebagai contoh, kita dapat lihat bagaimana penglibatan-penglibatan sekretariat daripada latar belakang kaum yang berbeza sehingga Pesta Kaamatan ini berjaya dianjurkan dengan meriahnya.. Ini menunjukkan pihak UMS kini berada pada landasan yang benar dalam merealisasikan agenda pembangunan nasional yang menjurus kepada penglibatan seluruh lapisan masyarakat dan suku kaum selaras dengan tema pesta Kamatan pada kali ini iaitu “1Malaysia Melambangkan 1Bangsa”.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, perayaan Pesta Kaamatan merupakan satu tradisi yang disambut oleh masyarakat Kadazandusun sejak sekian lamanya. Pada malam ini keistimewaan penganjurannya bukanlah kerana lampu-lampu hiasan dan keunikan dewan ini, namun keistimewaannya terletak pada seluruh keterlibatan para pelajar dan hadirin sekalian yang hadir bagi menghayati kebudayaan masyarakat Kadazandusun.

Sesungguhnya pihak UMS sentiasa mengalu-alukan inisiatif seumpama ini kerana ia bukan sahaja mampu menjadikan Institusi Pengajian Tinggi sebagai Pusat Gedung Ilmu malah turut membantu memelihara amalan adat budaya tradisional agar tidak hilang ditelan dek zaman.

Justeru itu, kesepakatan setiap ahli dalam jawatankuasa yang dibentuk dan persembahan-persembahan yang disusun atur jelas membuktikan bahawa siswa-siswi UMS bukan sahaja berupaya memberi pendedahan terhadap kebudayaan suku kaum terbesar di Sabah ini. Ia juga sekaligus menunjukkan yang mereka mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan jayanya.

Pengurusan UMS sememangnya amat mementingkan pembangunan sahsiah pelajar melalui aktiviti-aktiviti seperti ini yang dilihat mampu meningkatkan kemahiran insaniah para siswa-siswi sekalian. Ini kerana pada era globalisasi yang penuh dengan cabaran ini, ilmu daripada buku akademik tidak semestinya boleh menjamin kejayaan tanpa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Maka, dengan itu program seperti ini pada hemat saya perlu terus diberikan galakan yang tinggi. Natijahnya, usaha penganjuran pesta kaamatan diharap dapat diteruskan dan menjadikan wadah untuk menjana perpaduan dan kesejahteraan warga UMS ini.

Para hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada .....(***perasmikan***)..... kerana sudi meluangkan masa bersama kami sekaligus merasmikan majlis ini sebentar lagi. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran dan kesempurnaan majlis malam ini. Semoga objektif yang disasarkan dapat dicapai, yakni membina bangsa Malaysia yang teguh melalui perpaduan yang utuh di kalangan masyarakat berbilang kaum.

Sekian terima kasih.